



ANDALUS CORPORATION PTE LTD

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2006

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT, TECK WHYE
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **DIYANAH**

KBK : 4

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	10	
B	10	
C	10	
D	20	
	50	
Tanda Tangan Pemeriksa _____		
Tanda Tangan Waris _____		

KBK 4 / DIYANAH

BAHAGIAN A: (10 markah)

Pilih jawapan yang betul

TAUHID

- 1) Malaikat akan sentiasa _____ perintah Allah
a) mematuhi b) menyukai c) mengingkari ()
- 2) Terdapat _____ buah kitab yang telah diturunkan sebelum Al-Quran.
a) satu b) dua c) tiga ()
- 3) Al-Quran disebut juga sebagai _____..
a) at-Taurah b) al-Furqan c) al-Arabiyah ()
- 4) Sesuatu yang luar biasa dilakukan oleh wali dinamakan _____.
a) sihir b) mukjizat c) keramat ()
- 5) Hukum bagi orang yang menganiayai orang lain dengan sihir adalah _____.
a) wajib b) makruh c) haram ()

FIQEH

- 6) Setelah selesai haid, seseorang wanita wajib _____ dengan niat mengangkat hadas besar.
a) wuduk b) mandi c) istinja ()
- 7) Seorang muslim wajib mengambil wuduk dengan menggunakan air _____.
a) mutlak b) mustakmal c) mutanajjis ()
- 8) Ketika bertayammum kita harus menggunakan tanah yang _____.
a) berair b) berdebu c) basah ()
- 9) Khutbah Hari Raya disampaikan _____ solat.
a) selepas b) sebelum c) sebelum dan selepas ()

10) Solat Istisqa dibuat untuk memohon _____..

- a) hujan b) zuriat c) rezeki ()

BAHAGIAN B: (10 markah)

Tandakan (✓) bagi kenyataan yang betul dan tandakan (×) pada kenyataan yang salah.

TAUHID

- 1) Jin diciptakan dari cahaya. ()
- 2) Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Ibrahim. ()
- 3) Al-Quran ialah kitab yang membawa manusia ke jalan yang lurus. ()
- 4) Mukjizat ialah perkara luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada para nabi. ()
- 5) Banyak membaca Al-Quran dapat memelihara diri seseorang daripada sihir. ()

FIQEH

- 6) Nifas akan terjadi kepada budak perempuan berusia 2 tahun. ()
- 7) Tayammum boleh digunakan pada bila-bila masa. ()
- 8) Solat Hari Raya Aidilfitri dilakukan pada 10 Zulhijjah. ()
- 9) Solat Istisqa' dilakukan di saat terjadi musim kemarau yang berpanjangan. ()
- 10) Hukum mengerjakan solat gerhana adalah sunat. ()

BAHAGIAN C: (10 markah)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Injil	haid	Istisqa'	bertasbih	berjemaah
gerhana	mukjizat	air	tongkat	syaitan

TAUHID

- 1) Malaikat sentiasa _____ kepada Allah.
- 2) Kitab _____ diturunkan kepada Nabi Isa .
- 3) Al-Quran adalah _____ yang agung.
- 4) Mukjizat Nabi Musa a.s. ialah _____ yang boleh bertukar menjadi ular.
- 5) Orang yang melakukan sihir adalah sahabat _____ .

FIQEH

- 6) Wanita dalam _____ dilarang berpuasa.
- 7) Tayammum dikerjakan semasa ketiadaan _____.
- 8) Solat Hari Raya sunat dilaksanakan secara _____
- 9) Disunatkan ke atas umat Islam melakukan solat semasa _____ matahari dan bulan.
- 10) Solat memohon hujan dari Allah s.w.t. dikenali sebagai solat _____.

BAHAGIAN D: (20 markah)

Jawab 5 soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.

TAUHID

1) Senaraikan empat sifat-sifat malaikat yang telah kamu pelajari.

2) Bahasa apakah yang digunakan dalam kitab Taurat dan Zabur? Apakah nama umat yang menerima kitab Zabur dan Taurat?

3) Ceritakan dua kisah berkenaan keramat yang dikurniakan oleh Allah kepada hambaNya yang soleh?

4) Apakah erti sihir? Apakah hukumnya orang yang mengamalkan sihir?

FIQEH

5) Fatimah didatangi haid selama 16 hari. Adakah darah yang keluar pada hari ke 16 dikira sebagai darah haid? Apakah yang wajib dilakukan oleh Fatimah setelah selesai tempoh haidnya?

6) Apakah hukum bagi seseorang yang tiada wuduk membaca Al-Quran? Senaraikan 3 larangan bagi seseorang yang sedang berhadass kecil.

7) Tuliskan dengan terperinci cara-cara melakukan Solat Hari Raya Aidiladha.

8) Bagaimanakah berlakunya gerhana matahari? Bilakah waktunya bermula dan berakhir solat gerhana?

☞ Semoga Berjaya ☞